

# Anggaran awal ekonomi berkembang 3.9 peratus tiga bulan pertama 2024

**Ekonomi** Malaysia berkembang 3.9 peratus pada suku tahun pertama 2024 berbanding 3.0 peratus pada suku tahun sebelumnya, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Bank Negara Malaysia (BNM) bulan lalu mengunjurkan ekonomi Malaysia berkembang antara 4.0 dan 5.0 peratus pada 2024, disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan peningkatan permintaan luaran.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, ber-

kata berdasarkan anggaran awal terbabit, prestasi ekonomi pada tiga bulan pertama dipacu oleh sektor perkhidmatan dengan semua sektor utama mengalami pertumbuhan positif.

Beliau berkata, sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 4.4 peratus berbanding suku keempat 2023 pada 4.2 peratus, disokong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, pengangkutan & penyimpanan serta perkhidmatan perniagaan.

Katanya, sektor pembuatan pula mencatatkan pemulihan

kepada 1.9 peratus pada suku pertama ini selepas merekodkan penyusutan 0.3 peratus pada suku keempat 2023.

“Pertumbuhan sektor itu disokong oleh pembuatan produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka; peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan; serta produk petroleum, kimia, getah & plastik,” katanya dalam satu kenyataan anggaran awal Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku pertama 2024 yang diterbitkan oleh

DOSM, semalam.

Mengulas lanjut, Mohd Uzir berkata, sektor perlombongan dan pengkuarian pula berkembang sebanyak 4.9 peratus berbanding 3.8 peratus suku sebelumnya, pertumbuhan yang didorong oleh peningkatan dalam semua aktiviti, dengan subsektor gas asli menjadi penyumbang utama.

“Sektor pertanian turut meningkat 1.3 peratus pada suku dikaji disumbangkan oleh pengeluaran kelapa sawit dan ternakan,” katanya.

“Pertumbuhan sektor itu disokong oleh pembuatan produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka; peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan; serta produk petroleum, kimia, getah & plastik”

**Mohd Uzir Mahidin,**  
Ketua  
Perangkawan

